



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1982

PERATURAN-PERATURAN MENGENAI PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN AWAM

1. Tujuan

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk menerangkan peraturan-peraturan baru mengenai urusan peperiksaan perkhidmatan awam bagi menggantikan peraturan-peraturan yang dipakai sekarang, sama ada peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan ini sendiri ataupun oleh Jabatan-jabatan yang lain. Peraturan-peraturan baru ini ialah bertujuan untuk mengemas dan menyelaraskan urusan peperiksaan perkhidmatan di semua peringkat.

2. Penubuhan Lembaga Peperiksaan

2.1 Di bawah peraturan baru ini, sebuah Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam adalah diwujudkan dan ianya merupakan badan tertinggi bagi urusan peperiksaan-peperiksaan dalam perkhidmatan awam. Keahlian Lembaga ini adalah seperti berikut:

Pengerusi	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Timbalan Pengerusi	Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (1)
Ahli-ahli	Pengarah Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran, atau wakil
	Peguam Negara atau wakil
	Akauntan Negara atau wakil
	Ketua Pengarah, Jabatan Kerjaraya atau wakil (mewakili Jabatan Teknikal)
	Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakil
	Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri atau wakil

Seorang wakil dari negeri-negeri Semenanjung Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri, Sabah

Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak

Pengarah Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam

Pengarah Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

2.2 Kuasa-kuasa Lembaga

2.2.1 Kuasa-kuasa dan tanggungjawab Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:

- (i) menentukan jenis dan sukatan bagi semua peperiksaan perkhidmatan awam;
- (ii) melantik mana-mana pegawai Kerajaan, dan, panel-panel peperiksaan dengan jumlah keanggotaan yang sesuai, untuk menguruskan peperiksaan-peperiksaan perkhidmatan awam;
- (iii) menimbang dan memutuskan secara muktamad rayuan-rayuan berhubung dengan peperiksaan-peperiksaan perkhidmatan awam;
- (iv) menimbang dan memutuskan pengecualian daripada menduduki sesuatu peperiksaan; dan
- (v) mengeluarkan sijil-sijil kelulusan bagi semua jenis peperiksaan perkhidmatan awam.

3. Panel Subjek Lembaga dan Panel Subjek Jabatan

3.1 Sepertimana yang diperuntukkan di perenggan 2.2.1 (ii) Lembaga berkuasa melantik panel-panel peperiksaan untuk membantu Lembaga menguruskan peperiksaan-peperiksaan perkhidmatan awam. Panel-panel yang berkenaan adalah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu Panel Subjek Lembaga dan Panel Subjek Jabatan. Panel Subjek Lembaga dan Panel Subjek Jabatan adalah berkuasa menguruskan peperiksaan-peperiksaan dalam bidang-bidang dan subjek mengikut sukatan peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

3.2 Panel Subjek Lembaga adalah bertanggungjawab menguruskan peperiksaan-peperiksaan perkhidmatan awam yang meliputi subjek-subjek yang diambil oleh calon-calon dari berbagai-bagai perkhidmatan atau agensi-agensi Kerajaan. Panel Subjek Jabatan adalah bertanggungjawab menguruskan peperiksaan-peperiksaan perkhidmatan awam bagi subjek-subjek yang diambil oleh calon-calon dari sesuatu perkhidmatan atau agensi Kerajaan yang tertentu sahaja.

3.3 Bidang-kuasa bagi Panel Subjek Lembaga dan Panel Subjek Jabatan adalah meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) menentukan taraf dan mutu soalan-soalan;
- (ii) melantik penggubal-penggubal soalan;
- (iii) menetap dan mengesahkan soalan-soalan peperiksaan yang disediakan oleh penggubal;

- (iv) mengesahkan contoh-contoh jawapan kepada soalan-soalan yang diluluskan bagi tiap-tiap kertas peperiksaan;
- (v) melantik pemeriksa-pemeriksa yang terdiri daripada seorang ketua pemeriksa dan dibantu oleh pemeriksa-pemeriksa;
- (vi) menentukan sistem markah peperiksaan;
- (vii) menyediakan laporan dan analisa bagi tiap-tiap peperiksaan kepada Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

4. Peraturan Lembaga dan Panel

4.1 Lembaga dan tiap-tiap Panel Subjek Lembaga dan Panel Subjek Jabatan hendaklah menentukan peraturan-peraturannya masing-masing. Mesyuarat Lembaga dan Panel akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pengerusi Lembaga ataupun Panel yang berkenaan.

5. Urusetia Lembaga

5.1 Urusetia kepada Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam ialah Cawangan Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Di samping itu, Urusetia juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada mana-mana agensi Kerajaan berhubung dengan perkara-perkara peperiksaan perkhidmatan awam.

6. Pemakaian

6.1 Bidang-kuasa Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam adalah meliputi semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan boleh membuat permohonan untuk membenarkan pegawai dan kakitangan mereka mengambil peperiksaan-peperiksaan yang diuruskan oleh Lembaga untuk pertimbangan.

7. Tarikh Kuatkuasa

7.1. Tarikh kuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

8. Pembatalan

8.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1975 adalah dengan ini dibatalkan.

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.

29hb Disember 1981